

**Najib Ucap Takziah Kepada Keluarga Bekas Ketua Umno Merbok  
Bernama  
Julai 27, 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga bekas Ketua Umno Bahagian Merbok Datuk Arzmi Hamid.

Allahyarham Arzmi, 59, yang juga bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Dawai di Kedah meninggal dunia di Hospital Pakar Metro, Sungai Petani pada 4.50 pagi tadi akibat penyakit jantung.

"Takziah kepada keluarga Datuk Arzmi Hamid bekas Ketua Umno Bahagian Merbok. Semoga ditempatkan dalam kalangan yang beriman. Al-Fatihah," kata Najib dalam catatan di laman Twitter beliau.

Allahyarham pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik kepada bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin semasa Daim menjadi Menteri Tugas-Tugas Khas, sebelum dilantik sebagai anggota Dewan Negara pada 8 April 2002.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1056662>